- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. Insurans Lain

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. Subrogasi

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

6. Fasal Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

7. Hal Lain

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:-

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Anda mesti membenarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

1. Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
3. Kenderaan Anda merujuk kepada kenderaan itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor, termasuk tayar ganti, dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
5. Bengkel merujuk kepada bengkel membaiki kenderaan bermotor di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
6. Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa dan adik-beradik).
7. Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam kanun Kesiksaan adalah seperti yang berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:-
 - (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau
 - (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang.adalah dikatakan "menipu".
8. Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".
9. Takrif perbuatan ganas
Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan sepertinya termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

ENDORSMEN, WARRANTI, ATAU PERLUASAN YANG BERIKUT ADALAH TIDAK BERKAITAN MELAINKAN DINYATAKAN DI DALAM JADUAL POLISI, DI DALAM KES DIMANA ENDORSMEN, WARRANTI ATAU PERLUASAN DINYATAKAN ADALAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA POLISI INI.

01 PENGENDORSAN 1 – LEBIHAN SEMUA TUNTUTAN

Anda bertanggungjawab bagi RM..... (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yg ditanggung oleh Kami dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah... * (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) Polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai.

Jika perbelanjaan di tanggung oleh Kami itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab Anda, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: * Untuk Polisi Komprehensif – Isikan “seksyen A”
Untuk Polisi Pihak Ketiga Kebakaran & Kecurian – Isikan “seksyen A 1 (e) & 1 (f)”
N.B. Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi polisi ini.

02 PENGENDORSAN 2 – LEBIHAN TUNTUTAN KEROSAKAN

Anda bertanggungjawab bagi RM..... (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar di bawah Seksyen A polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai.

Lebihan ini tidak diterima pakai bagi kerugian atau kerosakkan yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah masuk, pecah-rumah atau kecurian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

N.B. Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi polisi ini.

03P PENGENDORSAN 3(p) - PIHAK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni

Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).

Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) dibatalkan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

015 PENGENDORSAN 15 - SEWA BELI

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan Anda di bawah satu perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan Anda. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Polisi ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan Anda. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Polisi ini dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh Anda kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan Anda di bawah Polisi ini. Anda tidak boleh menyerahhak akan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

15A PENGENDORSAN 15A - PINJAMAN MAJIKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa *..... mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Anda melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada *..... sehingga notis diberikan kepada Kami bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Anda, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti Kami/Anda di bawah Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: * isikan nama Majikan (Kerajaan atau Swasta)

019 PENGENDORSAN 19 – RISIKO PENUMPANG – (TIDAK DIGUNAKAN PAKAI KEPADA POLISI “AKTA”)

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (C) Seksyen B Polisi ini dibatalkan.

*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada ** (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) orang (selain daripada atendan/konduktor jika ada dan pemandu) Anda hendaklah membayar semula Kami perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh Kami.

Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: * Abaikan proviso ini dalam kes Kenderaan jenis Khas.

** Bilangan yang perlu diisi di dalam kes Kereta Untuk Sewa adalah mengikut bilangan yang dibenarkan oleh Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Kenderaan Bermotor tersebut dan di dalam kes-kes kenderaan lain, bilangan adalah mengikut bilangan yang mana premium telah dibayar dan ianya merupakan jumlah keseluruhan bilangan tempat duduk penumpang termasuk bilangan lebih penumpang yang dibawa dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

019(i) PENGENDORSAN 19 – RISIKO PENUMPANG – Pekerja

Kami akan bayar amaun yang Anda layak mengikut undang-undang (selain daripada liabiliti di bawah mana-mana perundangan Pampasan Pekerja) seperti kerosakan dan kos dan perbelanjaan pihak menuntut sekiranya kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana pekerja Anda yang dibawa atau ketika memasuki atau turun tetapi tidak memandu Kenderaan Bermotor.

*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada * Pekerja Anda (sebagai tambahan kepada pemandu) Kami hendaklah membayar tidak dipertanggungjawabkan lebih daripada perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar kerana Pengendorsan ini yang merujuk kepada kemalangan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: * Masukkan bilangan pekerja yang mana premium tambahan telah dibayar.

** Abaikan proviso ini dalam kes yang mana premium tambahan dibayar adalah untuk bilangan pekerja Pihak Diinsuranskan yang tidak terhad.

025 PENGENDORSAN 25 - MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa perkataan-perkataan “mogok, rusuhan dan kekecohan awam” dalam Pegecualian Am. Polisi ini tidak akan diterima pakai kepada mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung oleh

- 1) perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) atau tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membenteras atau percubaan untuk membenteras mana-mana gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat gangguan sedemikian.
- 2) Perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada suatu mogok atau sebagai tentangan kepada suatu sekat-masuk atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah disisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan sedemikian.

Dengan syarat bahawa indemniti yang diberikan dengan sebab Pengendorsan ini tidak akan diterima pakai bagi mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti (melainkan setakat yang perlu bagi memenuhi kehendak Perundangan) secara langsung atau tidak langsung secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh, yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan

- a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), peperangan sivil
- b) dahagi, kekecohan awam yang hampir mencapai atau mencapai takat kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi tentera, rampasan kuasa pihak tentera atau mana-mana perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang dihalakan bagi menumbangkan kerajaan de jure atau de facto atau dengan pengaruh keganasan atau kekerasan terhadapnya atau melalui akibat secara langsung atau tidak langsung mana-mana satu daripada kejadian tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Anda hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liability tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau yang boleh dikesan kepada kejadian-kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan, Kami tidak akan menanggung mana-mana bayaran yang berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

030 PENGENDORSAN 30 - PENGGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan Anda tidak terdapat di Malaysia, atau jika Kami menjalankan opsyen Kami untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Kami bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah

- (a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara) dan
- (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

38 PENGENDORSAN 38 – KREN BERGERAK

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan Kenderaan Bermotor.....(rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) * kami akan bertanggungjawab

- (a) Di bawah Seksyen A polisi ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian.

- (b) Di bawah Seksyen B polisi ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liability dikenakan ke atas Anda yang timbul dari operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari kenderaan atau yang dipasang dengannya.

Nota: * Isikan: buatan, nombor pendaftaran atau sebarang bentuk pengenalan.

NB.1 Gugurkan perenggan (a) untuk :-

(i) Polisi Pihak Ketiga

(ii) Polisi Komprehensif yang mana premium tambahan telah dibayar untuk memasukkan kerosakan yang disebabkan terbalik.

NB.2 Dimana pengurangan premium adalah dibenarkan untuk pengecualian kerosakan yang mana ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (a) perkataan “yang disebabkan oleh terbalik” dan “kecuali untuk kehilangan dan kecurian”.

NB.3 Dimana tambahan premium telah pun dibayar untuk kemasukan Risiko Pihak Ketiga semasa ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (b) untuk Polisi Komprehensif dan untuk Polisi Pihak Ketiga gugurkan Pengendorsan keseluruhannya.

038A PENGENDORSAN 38A - PERLUASAN PERLINDUNGAN KEROSAKAN TIDAK SENGAJA KEPADA BUM

Sebagai balasan pembayaran premium tambahan oleh Anda kepada Kami, yang berikut dianggap dilindungi di bawah Seksyen A Polisi ini :-

Kerosakan yang Tidak Sengaja dan Tidak Dijangka kepada Bum Kren tersebut semasa di dalam penggunaannya sebagai sebahagian alatan perniagaan.

Kami **TIDAK** akan membayar kerosakan kepada Bum :-

a) disebabkan oleh kerosakan mekanikal

b) disebabkan oleh haus dan lusuh

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

39 PENGENDORSAN 39 – PENGECUALIAN RISIKO KERJA PIHAK KETIGA

Kami bersetuju bahawa dibawah Seksyen B Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap liability yang ditanggung oleh Anda yang timbul daripada pengendalian alat Kenderaan Bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.

40 PENGENDORSAN 40 – PENGECUALIAN KEROSAKAN SEMASA DIGUNAKAN UNTUK MENGENDALI SESUATU PEKERJAAN

Kami bersetuju bahawa dibawah Seksyen A Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan kepada Kenderaan Bermotor yang timbul daripada penggunaan alatan Kenderaan Bermotor atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya.

057 PENGENDORSAN 57 - MEMASUKKAN PERIL KHAS

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Seksyen A Polisi ini melindungi Anda daripada peril berikut:-

Banjir, Taufan, Hurikan, Ribut, Ribut Kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penurunan atau Penenggelaman Tanah ataupun Konvulsi semulajadi lain.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

089 PENGENDORSAN 89 - PEMECAHAN KACA CERMIN DEPAN/BELAKANG, TINGKAP ATAU TINGKAP BUMBUNG PEMECAHAN KACA CERMIN DEPAN/BELAKANG, TINGKAP ATAU TINGKAP BUMBUNG

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Kami akan membayar kos mengganti atau membaiki kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada, Kenderaan Anda akibat pecahnya kaca tersebut sehingga suatu amaun tidak melebihi RM... (Rujuk kepada maklumat yang tentera di Jadual Polisi).

Dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk kerosakan selanjutnya terhadap Kenderaan Anda, mana-mana tuntutan yang dibuat dibawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan Anda tidak bertanggung keatas mana-mana Lebihan yang dinyatakan dalam Polisi.

Apabila tuntutan penggantian kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung diselesaikan manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali perlindungan dikembalikan semula dengan suatu bayaran premium tambahan lanjutan.

Anda bagaimanapun mempunyai pilihan untuk membaiki kerosakan kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung pada Kenderaan Anda. Sekiranya Anda memilih untuk membaiki, Kami akan terus menyediakan manfaat ini kepada Anda semasa tempoh perlindungan ini bagi amaun seperti yang tercatat di atas:-

- (a) Selepas ditolak apa-apa tuntutan yang dibayar oleh Kami bagi tujuan membaiki; atau
- (b) Bagi jumlah asal dengan syarat Anda telah membayar kepada Kami suatu premium tambahan lanjutan bagi mengembalikan jumlah asal perlindungan seperti dinyatakan di atas.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada pertikaian terhadap pilihan pembaikan atau penggantian, keputusan Kami adalah muktamad. Tiada pemulangan premium untuk pembatalan kecuali pembatalan dibuat berserta dengan polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

091 PENGENDORSAN 91 - PENGECUALIAN PENGHANTARAN MELALUI LALUAN AIR PEDALAMAN

Kami bersetuju bahawa perkataan "laluhan air pedalaman" adalah dipotong dari sub-seksyen 1(h)(i) pada Seksyen A Polisi ini.

095 PENGENDORSAN 95 - PENGENDORSAN PAJAKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:-

- (1) (rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Kenderaan Anda yang merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajak yang dibuat antara Pemberi Pajak dan Anda Sendiri di suatu pihak yang lain.
- (2) Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak Kami kepada Anda di bawah Seksyen A Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik Kenderaan Anda dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
- (3) Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajak tersebut Polisi ini adalah dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. Anda tidak boleh menyerahhak kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan anda di bawah Polisi ini.
- (4) Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletak hak sebarang hak ke atas Pemilik/ Pemberi Pajak untuk mendakwa Kami atas apa sifat jua pun bagi kemungkinan obligasi-obligasi Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

097 PENGENDORSAN 97 - AKSESORI KENDERAAN

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, aksesori-aksesori yang berikut adalah diinsuranskan secara berasingan di bawah Seksyen A:-

<u>Penerangan</u>	<u>Nilai Anggaran anda</u>
(Rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi)	

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda dan Anda tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Polisi.

Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu premium tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Premium tambahan sebanyak 15% daripada nilai aksesori dikenakan

097A PENGENDORSAN 97A - PERALATAN PENUKARAN GAS DAN TANGKI

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, peralatan penukaran gas dan tangki ini adalah diinsuranskan secara berasingan di bawah Seksyen A:-

Nilai Anggaran Anda
(Rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi)

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda dan Anda tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Polisi.

Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu premium tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Premium tambahan tidak kurang dari 4.5% atas nilainya dikenakan.

101 PENGENDORSAN 101- PERLUASAN PERLINDUNGAN KE NEGARA THAILAND (tidak termasuk Liabiliti Kecederaan Anggota Pihak Ketiga)

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, kawasan geografi polisi ini diperluaskan meliputi Negara Thailand berkuatkuasa dari 12.00 tengah malam/tengah hari pada Tarikh (Rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) sehingga tengah malam (Waktu Malaysia) pada Tarikh.....(Rujuk kepada maklumat yang tertera di Jadual Polisi) tertakluk kepada had liabiliti sebanyak RM100,000 di bawah Seksyen B1(b)*.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota1: Perluasan perlindungan tidak termasuk liabiliti dari segi undang-undang kepada Pihak Ketiga bagi Kecederaan anggota seperti yang ditetapkan di bawah The Protection for Motor Vehicle Accident Vicitims Act (1992) Thailand.

Nota 2: Perluasan ini diguna pakai kepada kenderaan perdagangan, kereta penumpang dan motosikal sahaja.

Nota 3: Kadar tambahan yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

- i) Polisi Kereta Persendirian (Setahun)
Perlindungan Komprehensif - 20% daripada Premium Tahunan Bersih
Perlindungan Pihak Ketiga - 50% daripada Premium Tahunan Bersih
(Premium Minimum: RM20.00)
- ii) Polisi Kenderaan Perdagangan (Setahun)
Perlindungan Komprehensif - 20% daripada Premium Tahunan Bersih
Perlindungan Pihak Ketiga - 30% daripada Premium Tahunan Bersih
(Premium Minimum: RM20.00)
- iii) Polisi Motosikal (Setahun)
Perlindungan Komprehensif - 15% daripada Premium Tahunan Bersih
Perlindungan Pihak Ketiga - 15% daripada Premium Tahunan Bersih
(Premium Minimum: RM15.00)

Bagi perluasan yang kurang daripada satu tahun, kadar tempoh pendek akan diguna pakai tetapi tertakluk kepada premium minimum yang dinyatakan di atas.

Nota 4: Had tanggungan sebanyak RM100,000 akan hanya diguna pakai kepada tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga. Bagi tuntutan Kerosakan Sendiri, had liabiliti bagi penanggung insurans adalah mengikut Jumlah Yang Diinsuranskan bagi Polisi tersebut.

106 PENGENDORSAN 106 - BENKEL YANG DIBENARKAN OLEH PENANGGUNG INSURANS

Syarat 2(h) pada Polisi ini adalah dipinda seperti berikut:-

Sekiranya kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan tuntutan, kenderaan Anda mestilah dihantar kepada bengkel Skim Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh PIAM (SBPP) yang dipilih dan diluluskan oleh Kami untuk pembaikan. Kegagalan untuk mengalih Kenderaan Anda ke bengkel yang diluluskan adalah pelanggaran pengendorsan ini dan Kami mempunyai hak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.

Nota: Pengendorsan ini digunakan oleh penanggung insurans yang mana mempunyai panel bengkel yang dipilih daripada senarai pembaikan SBPP.

109 PENGENDORSAN 109 - PERLUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI ANTARA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kami akan melindungi Anda di bawah Seksyen A Polisi ini, jika Kenderaan Anda rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah perluasan ini, Anda bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada Lebihan yang dinyatakan di dalam jadual.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Premium Tambahan: Loading sebanyak 10% atas Premium Tahunan Bersih (Premium Kasar tolak Diskaun Tanpa Tuntutan tetapi sebelum komisen kepada pengantara) dan tertakluk pada Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500 (yang mana lebih tinggi).

110 PENGENDORSAN 110 – PERLUASAN PERLINDUNGAN PERSIAPAN (EXCURSION COVER) (DIGUNAPAKAI UNTUK BAS SEKOLAH, BAS PERSENDIRIAN DAN BAS KILANG SAHAJA) – DIGUNAPAKAI BILA TEMPOH PERLINDUNGAN PERSIARAN DIAMBIL PADA MASA TERTENTU

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, polisi ini diperluaskan untuk melindungi kenderaan untuk tujuan persiaran(excursion)/perjalanan bagi tempoh daripada..... sehingga.....

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

110(a) PENGENDORSAN 110(a) – PERLUASAN PERLINDUNGAN PERSIAPAN (EXCURSION COVER) (DIGUNAPAKAI UNTUK BAS SEKOLAH, BAS PERSENDIRIAN DAN BAS KILANG SAHAJA) – DIGUNAPAKAI BILA TEMPOH YANG DIBERI UNTUK PERSIARAN (EXCURSION) SAMA SEPERTI POLISI ASAS

Sebagai balasan bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, polisi ini diperluaskan untuk melindungi kenderaan untuk tujuan persiaran (excursion) dalam tempoh insurans polisi ini tertakluk kepada persiaran itu:-

- (a) Dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dengan Lesen Sementara untuk pertukaran sementara penggunaan bas kepada persiaran (excursion) yang dikeluarkan kepada pihak diinsuranskan, dan
- (b) Terhadap kepada cuti sekolah yang diluluskan oleh kerajaan atau pihak berkuasa sekolah dan cuti umum yang diwartakan, Sabtu dan Ahad sahaja (tiada perlindungan diberi semasa hari-hari persekolahan).
- (c) Jika sebaliknya, semasa hari-hari persekolahan, lawatan sambil belajar/rombongan hanya dibenarkan untuk kanak-kanak sekolah sahaja dengan kebenaran diperolehi daripada Kementerian Pendidikan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

W01 WARANTI NO 1 - WARANTI KEATAS LEBIHAN MUATAN KENDERAAN (DITERIMA PAKAI KE ATAS SEMUA KENDERAAN PERDAGANGAN TERMASUK BAS DAN VAN PERSENDIRIAN)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggung jawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

NOTA PENTING:

1. Berikut adalah laluan untuk aduan mengenai isu yang berkaitan dengan insurans. Anda boleh mengadu terus kepada kami melalui Unit Aduan di 03-7861 8400 atau badan-badan yang diberkuasa di bawah ini:

(a) **OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES**

LEVEL 14, MAIN BLOCK MENARA TAKAFUL
MALAYSIA.
NO. 4, JALAN SULTAN SULAIMAN
50000 KUALA LUMPUR
TEL : +603-2272 2811
FAX : +603-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

(b) **LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)**

BANK NEGARA MALAYSIA
P.O BOX 10922
50929 KUALA LUMPUR
TEL: 1-300-88-5465
FAX: +603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

2. Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian polisi, adalah dipersetujui bahawa polisi versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Contact details

QBE Insurance (Malaysia) Berhad

Reg. No.: 161086-D A member of the worldwide QBE Insurance Group

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,
No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,
Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Phone: +603-7861 8400 Fax: +603-7873 7430
www.qbe.com.my Email: info.mal@qbe.com

Branches:

- Penang • Ipoh • Melaka • Johor Bahru • Kuching • Kota Kinabalu • Sandakan • Petaling Jaya • Klang
- Kuala Lumpur